



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**HUBUNGAN SOKONGAN SOSIAL DAN PENGALAMAN
AKTIVITI KEUSAHAWANAN TERHADAP KECENDERONGAN
MENJADI USAHAWAN PELAJAR INSTITUSI TVET**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL SUPPORT AND EXPERIENCE OF
ENTREPRENEURIAL ACTIVITIES ON THE PROPENSITY TO BECOME
ENTREPRENEURS IN TVET INSTITUTION STUDENTS*

Asrul Affendi Ahmad Ropai^{1*}, Mohd Helmi Md Salleh², Siti Syaidatul Akmal Kamaruddin³

¹ Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak, Malaysia

Email: asrul_affendi78@yahoo.com

² Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak, Malaysia

Email: helmi_salleh87@yahoo.com

³ Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak, Malaysia

Email: sitisyaidatulakmal@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2025

Revised date: 25.10.2025

Accepted date: 17.11.2025

Published date: 01.12.2025

To cite this document:

Ropai, A. A. A., Salleh, M. H. M.,
Kamaruddin, S. S. A. (2025).
Hubungan Sokongan Sosial Dan
Pengalaman Aktiviti Keusahawanan
Terhadap Kecenderungan Menjadi
Usahawan Pelajar Institusi TVET.
*International Journal of
Entrepreneurship and Management
Practices*, 8 (32), 113-123.

DOI: 10.35631/IJEMP.832008

Abstrak:

Kadar pengangguran yang meningkat dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi telah menimbulkan keperluan mendesak untuk meneroka laluan kerjaya alternatif yang lebih lestari, seperti bidang keusahawanan. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan empirikal antara sokongan keluarga, peranan idola, dan penglibatan dalam aktiviti keusahawanan terhadap kecenderungan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Fokus kajian ini adalah kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Perak, melibatkan 155 orang responden yang dipilih melalui persampelan rawak berstrata. Pendekatan kuantitatif digunakan menerusi pengedaran soal selidik dalam talian, dan analisis data dijalankan menggunakan statistik deskriptif serta korelasi Pearson melalui perisian IBM SPSS versi 25. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan keluarga dan peranan idola dengan kecenderungan menjadi usahawan. Namun, penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan tidak memperlihatkan hubungan yang bermakna secara statistik. Implikasi kajian ini menekankan peranan penting sokongan sosial dalam membentuk niat keusahawanan pelajar, serta mencadangkan agar institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) memperkukuh pelaksanaan program keusahawanan yang berorientasikan nilai, pengalaman dan bimbingan yang autentik. Hasil kajian ini juga menawarkan input awal

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dalam perumusan dasar dan pelaksanaan strategi pendidikan yang lebih berkesan dalam memupuk generasi usahawan muda di peringkat politeknik.

Kata Kunci:

Keusahawanan Pelajar, Sokongan Keluarga, Idola Keusahawanan, Aktiviti Keusahawanan

Abstract:

The increasing unemployment rate among graduates of higher education institutions has intensified the need to explore more sustainable alternative career pathways such as entrepreneurship. This study examines the empirical relationships between family support, the influence of role models, and students' involvement in entrepreneurial activities, and how these factors shape their inclination towards entrepreneurship. The research focuses on Diploma in Mechanical Engineering students at Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Perak, involving 155 respondents selected through stratified random sampling. A quantitative research design was implemented using an online questionnaire, and the data were analysed with descriptive statistics and Pearson correlation via IBM SPSS Version 25. The results reveal significant relationships between family support and role models with students' entrepreneurial inclination. However, participation in entrepreneurial activities does not demonstrate a statistically significant association. These findings underscore the importance of social support in fostering entrepreneurial intentions among students and recommend that TVET institutions enhance entrepreneurship programmes by emphasising values-based learning, authentic experiences, and structured mentoring. The study also provides foundational insights to guide policy formulation and the development of more effective educational strategies aimed at cultivating young entrepreneurs within polytechnic institutions.

Keywords:

Student Entrepreneurship, Family Support, Entrepreneurial Role Models, Entrepreneurial Activities

Pengenalan

Tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan peningkatan ketara dalam kadar pengangguran di kalangan graduan di Malaysia. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan kadar pengangguran siswazah pada kadar 13.1% tahun 2022, menegaskan cabaran mendapatkan peluang pekerjaan yang relevan dengan kelayakan akademik mereka. Dokumen Dasar Pendidikan TVET Negara 2030 bersama Pelan Induk Keusahawanan Nasional 2030 menggariskan peranan TVET sebagai landasan strategik dalam melahirkan individu berinovasi dan berdaya saing yang mampu mencipta peluang pekerjaan, bukan sekadar mencarinya. Namun begitu, literatur menunjukkan walaupun program keusahawanan dijalankan, tahap genuine entrepreneurial intention di kalangan pelajar jurusan teknikal, terutamanya Kejuruteraan Mekanikal, masih di tahap sederhana hingga rendah (Sri Sumarwati et al., 2022).

Walaupun beberapa kajian membincangkan kesan pendidikan keusahawanan, kekuatan analisis masih lagi terhad dari segi konteks semasa dan generalisasi (Ismail et al., 2019; Musa & Kassim, 2023). Tambahan pula, kajian mengenai pelajar jurusan teknikal, khususnya mekanikal, dilema antara penekanan kemahiran teknikal dan pengukuhan nilai keusahawanan masih memerlukan penyelidikan lanjutan.

Sorotan Kajian

Kecenderungan Keusahawanan

Kecenderungan keusahawanan merujuk kepada niat, sikap dan komitmen seseorang individu untuk memulakan dan mengurus sesebuah perniagaan. Dalam konteks pelajar di institusi TVET, kecenderungan terhadap keusahawanan boleh dianggap sebagai indikator awal kepada tahap kesiapsiagaan mereka dalam memilih bidang ini sebagai laluan kerjaya selepas menamatkan pengajian (Bosma & Schutjens, 2011).

Berdasarkan Teori Niat Keusahawanan oleh Ajzen (1991), niat untuk menjadi usahawan dipengaruhi oleh tiga elemen utama, iaitu persepsi individu terhadap tingkah laku tersebut, tekanan sosial yang dirasakan (norma subjektif), serta persepsi terhadap kawalan ke atas tingkah laku berkenaan. Kajian terkini telah mengadaptasi model ini dalam konteks pendidikan tinggi, dengan memasukkan elemen seperti pendedahan praktikal, jaringan sokongan sosial, serta jaminan terhadap peluang kerjaya sebagai pemangkin kepada pembentukan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar (Cheong, Lee & Ramli, 2021).

Pelajar yang mempunyai kecenderungan tinggi terhadap keusahawanan biasanya menunjukkan ciri-ciri seperti kebolehan menyelesaikan masalah, kesanggupan mengambil risiko, daya tahan dalam menghadapi kegagalan, serta keyakinan diri yang tinggi (Rahman, Basri & Kamal, 2023). Menurut Musa dan Kassim (2023), pelajar politeknik yang terlibat secara aktif dengan mentor serta mempunyai hubungan dengan pihak industri cenderung untuk menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan yang lebih tinggi.

Namun begitu, niat sahaja tidak menjamin tindakan keusahawanan akan berlaku. Abu Bakar, Yusof dan Hashim (2024) menekankan keperluan mewujudkan ekosistem sokongan yang bersepadu merangkumi bimbingan, latihan, modal dan peluang pasaran untuk memastikan niat tersebut diterjemahkan kepada tindakan. Justeru, memahami tahap dan corak kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah penting untuk merangka intervensi yang berkesan dan berimpak jangka panjang.

Sokongan Keluarga

Sokongan keluarga merangkumi pelbagai bentuk bantuan yang diterima oleh pelajar, termasuk dorongan emosi, galakan moral, maklumat perniagaan, dan teladan daripada ahli keluarga yang pernah terlibat dalam perniagaan. Menurut Hassan, Latip dan Anuar (2022), keluarga merupakan institusi pertama yang mencorakkan minat dan kepercayaan diri seseorang individu dalam menentukan hala tuju kerjaya. Kajian oleh Olugbola (2017) turut menegaskan bahawa pelajar yang mendapat sokongan keluarga secara konsisten menunjukkan tahap kesediaan keusahawanan yang lebih tinggi.

Hasil penyelidikan Abu Bakar, Yusof dan Hashim (2024) menunjukkan bahawa antara bentuk sokongan keluarga yang paling berkesan dalam merangsang kecenderungan keusahawanan ialah dorongan untuk berani mengambil risiko dan penerimaan terhadap keusahawanan sebagai

laluan kerjaya yang sah. Sementara itu, Rozar, Salleh, Nordin dan Rahmat (2020) melaporkan bahawa pelajar daripada latar belakang keluarga yang terlibat dalam perniagaan cenderung mempunyai niat keusahawanan yang lebih tinggi berbanding pelajar tanpa pendedahan sedemikian.

Sokongan daripada keluarga turut memainkan peranan penting dalam memberikan kestabilan emosi serta membina keyakinan diri pelajar, khususnya ketika berdepan dengan cabaran awal dalam dunia perniagaan. Kajian oleh Cheong, Lee dan Ramli (2021) mengesahkan bahawa pengaruh ibu bapa adalah signifikan dalam mempengaruhi hala tuju kerjaya anak-anak ke arah keusahawanan. Sehubungan itu, dalam konteks institusi TVET, peranan keluarga wajar diarusperdanakan sebagai elemen sokongan utama yang dirancang secara sistematik.

Peranan Idola

Peranan idola dalam kehidupan pelajar tidak hanya terbatas kepada tokoh terkenal, tetapi merangkumi individu rapat seperti rakan sebaya, pensyarah, dan ahli keluarga yang berjaya dalam perniagaan. Idola berfungsi sebagai sumber inspirasi, model tingkah laku, dan pemberi semangat dalam mengembangkan minat keusahawanan (Clutterbuck, Megginson & Garvey, 2017).

Postigo, Iacobucci dan Tamborini (2006) mendapati kehadiran tokoh usahawan sebagai sumber inspirasi mendorong peningkatan kecenderungan individu untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Sementara itu, Bosma dan Schutjens (2011) menegaskan bahawa interaksi dengan idola yang berjaya mampu menaikkan keyakinan sendiri serta persepsi terhadap keupayaan diri dalam kalangan pelajar, sekali gus memperkukuh niat mereka untuk bergiat dalam keusahawanan.

Dalam konteks institusi pendidikan, peranan pensyarah dan mentor yang berpengalaman turut dilihat sebagai pemangkin kepada minat dan kepercayaan pelajar terhadap bidang ini. Menurut Rahman, Basri dan Kamal (2023), pelajar yang mempunyai hubungan erat dengan pendidik atau individu berpengalaman dalam dunia perniagaan lebih berkemungkinan untuk mempamerkan sikap positif terhadap pembelajaran keusahawanan dan pembentukan niat keusahawanan. Selain itu, rakan sebaya yang terlibat secara aktif dalam aktiviti keusahawanan juga berupaya menjadi pemangkin motivasi melalui sokongan sosial dan semangat persaingan yang sihat.

Secara menyeluruh, kehadiran idola yang berpengaruh memberi kesan signifikan terhadap pembinaan jati diri keusahawanan dalam kalangan pelajar. Justeru, institusi pengajian tinggi digalakkan untuk menyediakan platform interaksi yang kondusif antara pelajar dan tokoh industri, selain menggalakkan pembentukan komuniti keusahawanan yang menyokong pertumbuhan minat dan aspirasi pelajar dalam bidang ini.

Aktiviti Keusahawanan

Penyertaan pelajar dalam pelbagai program berkaitan keusahawanan sepanjang tempoh pengajian dilihat sebagai satu bentuk pembelajaran tidak formal yang berupaya membentuk sikap, minat serta kemahiran asas dalam dunia perniagaan. Antara contoh penglibatan tersebut termasuklah ekspo jualan, pertandingan idea perniagaan, program bimbingan (mentor-mentee), dan inisiatif perniagaan berskala kecil yang diusahakan pelajar sendiri. Al-Alawi, Alkindi, Al-Shukaili dan Ahmed (2022) mendapati bahawa pelajar yang aktif dalam aktiviti seperti ini

menunjukkan kebolehan yang lebih baik dalam aspek pengurusan risiko dan penerapan idea kreatif berbanding mereka yang hanya terlibat secara teori.

Namun demikian, tidak semua aktiviti yang dilabelkan sebagai berunsurkan keusahawanan mampu memberi kesan yang signifikan terhadap pembentukan niat sebenar pelajar untuk menceburi bidang ini. Musa dan Kassim (2023) menegaskan bahawa terdapat jurang ketara antara pelaksanaan program yang dirancang oleh institusi dan keperluan sebenar pelajar. Aktiviti yang dijalankan secara berulang atau hanya bersifat promosi sering kali tidak memberi impak yang mendalam kepada pembangunan niat keusahawanan.

Menurut Rahman, Basri dan Kamal (2023), kejayaan sesuatu aktiviti keusahawanan amat bergantung kepada tahap penglibatan pelajar, elemen pembelajaran berasaskan projek sebenar, serta peluang untuk membina hubungan dengan pemain industri. Pendekatan ini adalah selari dengan teori pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) yang menekankan kepentingan penglibatan langsung dan pengalaman sebenar dalam proses pembelajaran (Kolb, 1984).

Bagi memastikan keberkesanan penganjuran aktiviti keusahawanan dalam konteks politeknik, reka bentuk program perlulah menekankan kepada penyelesaian masalah dunia sebenar serta disokong oleh penglibatan mentor dari industri. Inisiatif seperti simulasi perniagaan, pembangunan inkubator pelajar, dan penyediaan dana mikro untuk projek perniagaan pelajar berpotensi membentuk keyakinan diri serta kompetensi diri untuk meneroka bidang keusahawanan secara lebih serius setelah bergraduasi (Abu Bakar, Yusof & Hashim, 2024). Oleh itu, aktiviti keusahawanan perlu dinilai bukan sekadar dari segi bilangan penyertaan pelajar, tetapi dari sudut impaknya terhadap pembentukan niat, kemahiran dan kesiapan untuk menjadi usahawan sebenar.

Pernyataan Masalah

Penyelidikan terkini menunjukkan bahawa elemen sosial seperti sokongan keluarga, kehadiran idola, dan persekitaran institusi memainkan peranan penting dalam membentuk niat keusahawanan pelajar (Hong et al., 2020; Abu Bakar, Yusof & Hashim, 2024). Menurut Abu Bakar, Yusof dan Hashim (2024), elemen yang paling signifikan dalam membentuk kecenderungan keusahawanan bukanlah bergantung kepada penyampaian kursus semata-mata, sebaliknya berkait rapat dengan pengukuhan sikap pelajar serta sokongan sosial daripada persekitaran sekeliling. Hal ini selaras dengan dapatan kajian yang menekankan bahawa pengaruh idola seperti pensyarah, mentor keluarga serta motivasi dalaman pelajar memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada kecenderungan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Objektif, Soalan, Hipotesis dan Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka secara empirikal pengaruh pelbagai faktor sosial dan pengalaman terhadap kecenderungan pelajar ke arah keusahawanan. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

1. Menganalisis hubungan sokongan keluarga dalam membentuk kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai laluan kerjaya.
2. Menilai hubungan peranan idola seperti rakan sebaya, tenaga pengajar dan usahawan berjaya terhadap niat pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.
3. Meneliti hubungan penyertaan pelajar dalam pelbagai aktiviti keusahawanan terhadap kecenderungan mereka untuk memulakan perniagaan setelah bergraduasi.


Persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah bentuk hubungan antara sokongan keluarga dan kecenderungan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai laluan kerjaya?
2. Sejauh manakah peranan idola seperti rakan sebaya, tenaga pengajar dan usahawan berjaya mempengaruhi niat pelajar untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan?
3. Apakah hubungan antara tahap penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti keusahawanan dengan kecenderungan mereka untuk memulakan perniagaan selepas bergraduasi?

Hipotesis kajian ini adalah:

- H₁: Sokongan keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan pelajar menjadi usahawan.
H₂: Peranan idola mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan pelajar menjadi usahawan.
H₃: Tahap penyertaan pelajar dalam aktiviti keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan pelajar menjadi usahawan.

Kerangka konseptual kajian ini adalah:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data dalam skala yang luas secara terancang, bagi meneliti kaitan antara sokongan sosial serta pengalaman berkaitan keusahawanan dengan kecenderungan pelajar untuk menceburi bidang perniagaan. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang dibina khusus untuk memperoleh data yang relevan daripada responden kajian.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini merangkumi keseluruhan pelajar program Diploma Kejuruteraan Mekanikal PSAS yang sedang mengikuti pengajian dari semester pertama hingga semester keenam. Berdasarkan senarai enrolmen pelajar semasa, jumlah populasi adalah seramai 338 orang. Walaupun Jadual Krejcie dan Morgan (1970) mencadangkan sampel seramai 190 orang bagi populasi ini, hanya 155 pelajar yang aktif dan layak telah memberikan maklum balas lengkap terhadap soal selidik, menjadikan kadar respons sebanyak 100 peratus.

Pemilihan sampel bagi kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan persampelan rawak berstrata, yang bertujuan untuk memastikan wakil daripada setiap semester diambil secara seimbang mengikut bilangan pelajar sebenar. Agihan responden merangkumi Semester 1 (34 orang), Semester 2 (51 orang), Semester 4 (45 orang), Semester 5 (17 orang), dan Semester 6 (8 orang). Tiada pengambilan pelajar bagi Semester 3 dalam sesi semasa. Kaedah ini dipilih bagi menjamin representasi yang seimbang serta meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Jadual 1: Ringkasan Pengagihan Sampel

Semester	Jumlah Pelajar
1	34 orang
2	51 orang
4	45 orang
5	17 orang
6	8 orang
Jumlah	155 orang

Sumber: Politeknik Sultan Azlan Shah

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik berstruktur sebagai instrumen utama pengumpulan data. Pembinaan item-item dalam soal selidik ini adalah berasaskan dapatan kajian lepas yang relevan dan telah diubah suai agar bersesuaian dengan konteks pelajar politeknik.

Soal selidik dibahagikan kepada empat pecahan utama, iaitu:

Bahagian A: Maklumat demografi.

Bahagian B: Sokongan keluarga (7 item).

Bahagian C: Peranan idola (6 item).

Bahagian D: Penglibatan aktiviti keusahawanan dan kecenderungan menjadi usahawan (10 item).

Bagi setiap item, skala pengukuran yang digunakan ialah skala Likert lima mata, bermula dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju), bagi membolehkan analisis statistik dijalankan secara lebih terperinci dan objektif.

Prosedur Pengumpulan Data

Instrumen soal selidik telah diagihkan kepada responden secara dalam talian melalui platform Google Forms. Maklumat berkaitan tujuan penyelidikan, jaminan kerahsiaan maklumat, serta pernyataan persetujuan penyertaan telah disediakan pada permulaan borang soal selidik. Proses pengumpulan data berlangsung selama dua minggu, di mana penyelidik melakukan pemantauan secara berkala bagi memastikan bilangan respons yang diperoleh adalah mencukupi dan berkualiti.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 25. Bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang ciri-ciri responden dan tahap pemboleh ubah yang dikaji, analisis statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai telah digunakan. Seterusnya, analisis inferensi dijalankan melalui ujian korelasi Pearson bagi menilai kekuatan serta tahap signifikan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan kecenderungan keusahawanan. Melalui pendekatan ini, hipotesis kajian dapat disahkan secara kuantitatif dan berasaskan data empirik.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Maklumat yang dikumpulkan daripada 155 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal PSAS telah dianalisis bagi menilai hubungan antara tahap sokongan keluarga, pengaruh idola serta penglibatan dalam aktiviti keusahawanan dengan kecenderungan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Jadual 2: Profil Responden

Kategori		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	91	58.70
	Perempuan	64	41.30
Semester Pengajian	1	34	21.94
	2	51	32.90
	4	45	29.03
	5	17	10.97
	6	8	5.16
Penglibatan aktiviti keusahawanan	Pernah	88	56.80
	Tidak Pernah	67	43.20

Sumber: Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah

Setiap pemboleh ubah dalam kajian ini dianalisis menggunakan ukuran min dan sisihan piawai. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti tahap kecenderungan pelajar terhadap item-item berkaitan yang membentuk konstruk kajian.

Jadual 3: Ringkasan Statistik Deskriptif bagi Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah	Purata (Min)	Sisihan Piawai	Interpretasi
Sokongan Keluarga	3.87	0.64	Tahap sokongan keluarga adalah tinggi.
Peranan Idola	3.72	0.59	Responden menunjukkan hubungan positif daripada idola seperti pensyarah dan rakan sebaya
Aktiviti Keusahawanan	3.45	0.70	Tahap penyertaan dalam aktiviti

keusahawanan
adalah sederhana.

Kecenderungan Keusahawanan	3.89	0.62	Kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan adalah tinggi.
-------------------------------	------	------	--

Sumber: Dapatan Kajian

Analisis Hubungan Antara Pemboleh Ubah

Bagi mengenal pasti kekuatan serta arah perhubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar, analisis statistik Korelasi Pearson telah dijalankan. Kaedah ini membolehkan pengkaji mengukur darjah kesalinghubungan secara linear antara dua pemboleh ubah kuantitatif.

Jadual 4: Keputusan Analisis Korelasi Pearson

Pasangan Pemboleh Ubah	Pekali Korelasi (r)	Nilai-p	Interpretasi Hubungan
Sokongan Keluarga dan Kecenderungan Usahawan	0.528	0.000	Hubungan sederhana kuat dan signifikan
Peranan Idola dan Kecenderungan Usahawan	0.474	0.000	Hubungan sederhana kuat dan signifikan
Aktiviti Keusahawanan dan Kecenderungan Usahawan	0.121	0.084	Hubungan lemah dan tidak signifikan

Sumber: Dapatan Kajian

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan berada pada tahap kekuatan sederhana antara sokongan keluarga serta peranan idola dengan kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan. Penemuan ini mengesahkan peranan pengaruh sosial dalam persekitaran terdekat seperti ahli keluarga dan tokoh idola sebagai faktor penting yang mempengaruhi hala tuju kerjaya pelajar ke arah keusahawanan. Penemuan ini juga konsisten dengan dapatan kajian yang dilaporkan oleh Cheong, Lee dan Ramli (2021) serta Abu Bakar, Yusof dan Hashim (2024) yang turut menegaskan kepentingan hubungan sosial dalam membentuk niat keusahawanan.

Sebaliknya, tiada hubungan yang signifikan antara penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan dengan kecenderungan menjadi usahawan. Dapatan ini sejajar dengan penemuan oleh Musa dan Kassim (2023) yang menyatakan bahawa aktiviti keusahawanan yang bersifat permukaan atau tidak disertai dengan pembimbing berpengalaman gagal menyumbang kepada pembentukan niat keusahawanan secara efektif. Ini menunjukkan keperluan untuk menstruktur semula kandungan, pendekatan dan bentuk aktiviti keusahawanan supaya lebih mendalam, aplikatif dan memberi ruang refleksi kepada pelajar.

Dari aspek pelaksanaan, hasil kajian ini memberikan beberapa saranan praktikal kepada pihak institusi, penggubal dasar dan ibu bapa. Bahagian pengurusan politeknik disarankan agar memperkukuh peranan mentor dan menyediakan peluang pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar. Di samping itu, keterlibatan keluarga dalam program keusahawanan serta pembentukan jaringan dengan komuniti usahawan tempatan juga boleh dijadikan strategi untuk menyokong pembangunan ekosistem keusahawanan yang lebih menyeluruh.

Secara konseptual, penemuan kajian ini memperkukuh lagi kerangka teori niat keusahawanan seperti yang dikemukakan oleh Ajzen (1991), yang menekankan pengaruh sikap dan sokongan sosial dalam mendorong niat untuk bertindak. Justeru, dapatan ini menyumbang kepada pengukuhan literatur dalam bidang keusahawanan, khususnya dalam konteks pelajar jurusan teknikal dan pendidikan TVET di Malaysia. Walau bagaimanapun, skop kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal di sebuah institusi politeknik, dan ini menjadi satu had yang wajar diambil kira dalam mentafsir generalisasi hasil kajian. Oleh itu, kajian masa hadapan dicadangkan untuk:

1. Diperluaskan ke beberapa institusi politeknik atau TVET lain bagi mendapatkan perbandingan antara lokasi dan program.
2. Menggunakan pendekatan campuran (mixed-method) dengan temu bual mendalam bagi memahami faktor motivasi dalaman pelajar.
3. Menilai kesan jangka panjang penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan selepas tamat pengajian.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor sokongan daripada keluarga dan peranan idola berhubung secara signifikan dalam membentuk kecenderungan pelajar teknikal terhadap bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, pelaksanaan strategi yang holistik dan terancang adalah diperlukan bagi memperkukuh pembangunan ekosistem keusahawanan yang lebih menyeluruh dan berimpak dalam kalangan pelajar politeknik di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan pengurusan tertinggi Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) atas keizinan dan kerjasama yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal serta para pelajar yang sudi menjadi responden, atas sokongan, maklum balas dan penglibatan aktif mereka yang amat bermakna dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abu Bakar, S., Yusof, M. Y., & Hashim, S. N. S. (2024). Entrepreneurial intention challenge in TVET education: A Malaysian polytechnic perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(2), 110–123.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Al-Alawi, A. M., Alkindi, K. S., Al-Shukaili, A., & Ahmed, E. R. (2022). The influence of entrepreneurial activity's innovation on job creation. *International Journal of Industrial Management*, 14(1), 506–514. <https://doi.org/10.15282/ijim.14.1.2022.7247>
- Bosma, N., & Schutjens, V. (2011). Understanding regional variation in entrepreneurial activity and entrepreneurial attitude in Europe. *The Annals of Regional Science*, 47(3), 711 – 742. <https://doi.org/10.1007/s00168-010-0375-7>

- Cheong, K. C., Lee, H. Y., & Ramli, M. F. (2021). Family influence and entrepreneurial intention: A Malaysian TVET perspective. *Journal of Entrepreneurship Education*, 24(2), 1–12.
- Clutterbuck, D., Megginson, D., & Garvey, B. (Eds.). (2017). *The SAGE handbook of mentoring* (2nd ed.). Sage Publications.
- Hassan, R., Latip, H. A., & Anuar, N. A. (2022). Barriers of entrepreneurial intention among engineering students in TVET institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(3), 771–785.
- Hong, K. S., Lee, M. H., & Juhari, N. H. (2020). Determinant factors that influence entrepreneurial intention among students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 1184–1196. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i10/7977>
- Ismail, N., & Zulkifli, S. (2020). Exploring the role of social support in predicting entrepreneurial intentions among polytechnic students in Malaysia. *Journal of Technical Education and Training*, 12(1), 21–33.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Siaran akhbar: Statistik siswazah, 2022.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan TVET Negara 2030: Ke arah ekonomi berpendapatan tinggi*. Putrajaya: Kementerian Ekonomi.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Musa, A. M., & Kassim, N. F. A. (2023). Demographic and psychological predictors of entrepreneurial intention among Malaysian polytechnic students. *Malaysian Journal of Society and Space*, 19(1), 88–102. <https://doi.org/10.17576/geo-2023-1901-07>
- Olugbola, S. A. (2017). Exploring entrepreneurial readiness of youth and start-up success components: Entrepreneurship training as a moderator. *Journal of Innovation & Knowledge*, 2(3), 155–171. <https://doi.org/10.1016/j.jik.2016.12.004>
- Postigo, S., Iacobucci, D., & Tamborini, F. (2006). Undergraduate students as a source of potential entrepreneurs: A comparative study between Italy and Argentina. In A. Fayolle & H. Klandt (Eds.), *International entrepreneurship education: Issues and newness*. Edward Elgar Publishing.
- Rahman, M. H. A., Basri, S., & Kamal, A. A. (2023). Mentorship and role models in fostering entrepreneurial mindsets among technical students in Malaysia. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 38(4), 15–25.
- Rozar, N. M., Salleh, K. M., Nordin, M. S., & Rahmat, N. H. (2020). Empirical study of the antecedents of social entrepreneurship intention in a higher education institution in Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 804–810.
- Sri Sumarwati, S., Abu, N. K., & Abdul Rahim, H. (2022). Entrepreneurial intention and creative thinking skills among polytechnics students in Malaysia. *Online Journal for TVET Practitioners*, 7(2), 133–144.